

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB. Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik kedatangan pelancong bagi satu tahun terakhir mengikut bulan. Adakah kelemahan nilai Ringgit meningkatkan kedatangan pelancong.

57

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kedatangan pelancong bagi satu tahun terakhir adalah seperti berikut:

Bulan	Tahun		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
JANUARI	2,376,166	2,350,270	(1.1)
FEBRUARI	2,091,098	2,043,215	(2.3)
MAC	2,198,716	2,238,184	1.8
APRIL	2,101,280	2,145,734	2.1
MEI	2,144,119	2,039,016	(4.9)
JUN	2,121,396	2,134,647	0.6
JULAI	2,296,615	2,263,478	(1.4)
OGOS	2,282,173	2,129,013	(6.7)
SEPTEMBER	2,118,367		
OCTOBER	2,326,487		
NOVEMBER	2,054,165		
DISEMBER	2,646,810		
JUMLAH	26,757,392 (+4.0%) Januari - Disember	17,343,557 (-1.5%) Januari - Ogos	

Kejatuhan nilai ringgit sememangnya memberikan pulangan nilai untuk wang (*value for money*) kepada pelancong asing untuk melancong ke Malaysia antaranya dari **China, Thailand, Indonesia, Brunei dan Taiwan** yang telah menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.

Oleh yang demikian, kehadiran pelancong telah **meningkat** sebanyak **+4.0%** pada tahun **2016** dengan kehadiran seramai **26,757,392** pelancong asing berbanding dengan tahun 2015 sebanyak **25,721,251** pelancong sahaja.

Sungguhpun begitu, bagi tempoh **Januari hingga Ogos 2017**, jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia telah menyusut **-1.5%** kepada **17,343,557** orang berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Ini adalah disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Kelemahan nilai matawang ringgit sebaliknya telah menyebabkan kos melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasaran di luar negara meningkat dan tidak dapat dijalankan seperti yang telah dirancang;
- (ii) Tambahan pula, kenaikan kos pengiklanan dan promosi di luar negara, juga telah menyebabkan kurangnya pengiklanan dan promosi jenama Malaysia mendapat pendedahan dan perhatian;

- 59
- (iii) Ini sekaligus telah menyebabkan pengusaha pelancongan dan pelancong asing mengetepikan Malaysia sebagai pilihan destinasi dan promosi pakej pelancongan mereka; dan
 - (iv) Kekurangan ini juga telah digunakan oleh negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Filipina dan Vietnam yang giat mempromosikan negara masing-masing sebagai destinasi pelancongan dan telah menyebabkan persaingan tinggi kepada Malaysia untuk menarik pelancong asing ke negara ini.

Sekian, terima kasih.